

DATE: 3/8/2010

Sukarelawan tekad teruskan misi Gaza

PUTRAJAYA: Serangan peluru berpandu Israel terhadap penduduk Gaza sejak beberapa hari lalu tidak menggentarkan 67 sukarelawan Kelab Putera 1Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) dan wakil media untuk meneruskan misi bantuan kepada rakyat Palestin pada Ramadan ini.

Malah, Presiden Kelab Putera 1Malaysia, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata kumpulan pertama sukarelawan Malaysia yang dianggotai lima doktor dan ahli PBSM akan berlepas ke Me-

3/8/2010
sir hari ini untuk membuat persiapan awal selain meninjau keadaan di sempadan Mesir dan Gaza.

Abdul Azeez berkata, kumpulan kedua merangkumi 28 sukarelawan Kelab Putera 1Malaysia termasuk doktor pakar kanak-kanak, sakit puan dan psikologi, akan berlepas ke Gaza Khamis ini manakala 34 lagi sukarelawan menyusul Ahad ini.

"Walaupun beberapa kumpulan yang akan kami lawati sudah dibedil Israel semalam (kelmarin), tetapi kami tetap bersemangat untuk pergi ke sana kerana jika ditakdirkan



DR MAHATHIR dan Abdul Azeez bergambar bersama sebahagian 67 sukarelawan misi bantuan ke Gaza di Putrajaya, semalam.

mati, di mana-mana pun boleh berlaku.

"Justeru, saya minta semua rakyat di negara ini berdoa (demi keselamatan) kerana kami pergi ke sana

untuk berjihad atas nama Malaysia tanpa mengira agama, latar belakang dan perbezaan fahaman politik," katanya ketika berucap sempena kunjungan

hormat Kelab Putera 1Malaysia kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamed di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.